

26/05/2000

Insentif bagi pengusaha ladang

Zulkofli Jamaludin

BANGI, Khamis - Kerajaan akan memberi insentif kepada pengusaha ladang yang memaksimumkan penggunaan tanah mereka dengan menanam tanaman makanan dan kegiatan ternakan, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Sebaliknya, Perdana Menteri berkata, jika mereka tidak menggunakan tanah secara optimum, kerajaan mungkin mengenakan cukai yang lebih tinggi.

"Jika mereka menggunakan tanah secara maksimum iaitu bukan saja tanaman kelapa sawit tetapi juga ternakan lembu, kita mungkin bagi sesuatu kepada mereka," katanya pada sidang akhbar selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Penyelarasan Sektor Awam-Swasta Dalam Sektor Pertanian, di sini hari ini.

Mesyuarat itu dihadiri menteri Kabinet, menteri besar dan ketua menteri, wakil agensi sektor pertanian serta wakil persatuan pertanian, perikanan dan ternakan.

Tiga kertas kerja mengenai Dasar Pertanian Negara Ketiga (DPN3), Kerjasama Kerajaan Persekutuan, Negeri dan Sektor Pertanian Dalam Pembangunan Pertanian serta Cadangan Meningkatkan Pelaburan Sektor Swasta Dalam Sektor Pertanian dibentangkan pada mesyuarat tertutup itu.

Perdana Menteri berkata, perbincangan itu mendapati pendapatan daripada tanaman makanan campuran jauh lebih tinggi daripada hanya menanam kelapa sawit dan getah.

"Kerajaan serius dalam usaha ini kerana wawasan seterusnya ialah bidang pertanian. Kementerian sudah menyediakan perancangan dan kerajaan pula sudah meluluskan peruntukan untuk projek yang akan bermula tidak lama lagi," katanya.

Sambil menyifatkan usaha itu serius, Dr Mahathir berkata, import makanan adalah antara import terbesar dan menyumbang kepada kenaikan kos sara hidup rakyat negara ini.

"Jika kos barangan naik empat peratus, kos makanan pula naik antara enam dan tujuh peratus dan ini menjadikan kos sara hidup naik.

"Bukan saja kerana harga makanan naik, tetapi cara mengendali pengangkutan, pembungkusan, jualan runcit, peniaga dan orang tengah mengambil untung terlalu tinggi," katanya.

Sambil menyatakan kerajaan negeri sedia memberi kerjasama, Perdana Menteri berkata, kenaikan harga barangan itu boleh ditangani dengan menjadikan Malaysia pengeluar dan mengeksport makanan utama.

Dr Mahathir turut melahirkan rasa bimbang mengenai pertukaran tanah pertanian kepada industri dan perumahan, tetapi pertukaran itu tidak dapat dihalang kerana keperluan sektor berkenaan.

Dr Mahathir berkata, pentadbiran tanah di bawah kerajaan negeri adalah rumit dan kadang-kadang mengambil masa sehingga tiga tahun untuk memberi kelulusan sehingga projek pertanian lewat dilaksanakan.

Bagaimanapun, Perdana Menteri berkata, kalau ada kerjasama daripada semua kerajaan negeri, beliau yakin masalah itu dapat diselesaikan bagi membolehkan pembangunan ekonomi dapat dilakukan dengan cepat.

"Negeri yang mempunyai tanah luas seperti Pahang dan Johor senang membuat keputusan. Saya yakin negeri lain juga akan memberi kawasan mengikut keperluan kerana ada jenis pertanian yang tidak memerlukan kawasan luas," katanya.

(END)